

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,
JALAN CENDERASARI,
KUALA LUMPUR.

Bil: (17) dlm. KKM-87 (1st 2)

Tarikh: 28 hb. Jun, 1985.

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan
Kesihatan, Negjari.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sabah/Sarawak.

Pengarah,
Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Semua Pengarah Institusi.

Dato'/Tuan/Puan,

Per: Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil: 3/1985

Lawatan Pegawai-Pegawai Pakar ke Hospital-hospital
Daerah

Pekeliling ini bertujuan meningkatkan keberkesanan (effectiveness) lawatan pegawai-pegawai pakar ke hospital-hospital daerah.

2. Lawatan pegawai-pegawai pakar ke hospital-hospital daerah mempunyai tiga objektif utama:-

- (a) mengawas kerja-kerja klinikal pegawai perubatan,
- (b) menjalankan kerja-kerja klinikal seperti pembedahan, dan
- (c) melatih dan memberi tunjukajar kepada pegawai-pegawai perubatan.

3. Untuk memastikan objektif-objektif ini tercapai, maka peraturan-peraturan yang berikut hendaklah dipatuhi:-

- (a) Melawat hospital-hospital daerah hendaklah dianggap sebahagian dari tugas-tugas muktamad semua pegawai-pegawai pakar. Kekkerapan lawatan bolehlah ditetapkan oleh Pengarah-pengarah mengikut disiplin kepakaran. Peruntukan yang cukup hendaklah disediakan bagi tujuan ini.

(b) Bersama dengan pegawai-pegawai pakar, Pengarah-pengarah hendaklah menyediakan program lawatan dan mengedarkan program-program tersebut kepada pegawai perubatan yang menjaga.

.....
(c) Pegawai Perubatan Yang Menjaga hendaklah mengambil tindakan seperti dalam Lampiran 1.


.....
(d) Pegawai-pegawai pakar hendaklah menjalankan tugas-tugas seperti dalam Lampiran 2.

4. Pengarah Perkhidmatan Perubatan di Kementerian ini adalah bertanggungjawab mengesan dan melaporkan pelaksanaan Pekeliling ini setiap enam bulan. Sebarang pertanyaan mengenai Pekeliling ini hendaklah dialamatkan kepada:-

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia,
(u.p: Pengarah Perkhidmatan Perubatan),
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Jalan Cenderasari,
Kuala Lumpur.

Tel: 928925

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DATUK (DR.) ABDUL KHALID BIN SAHLAN)
Ketua Pengarah Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

s.k. - Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Semua Ketua Bahagian,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tindakan yang perlu diambil oleh Pegawai
Perubatan Yang Menjaga Hospital

- (i) Pegawai-pegawai perubatan hendaklah diberitahu akan jadual lawatan pakar-pakar.
- (ii) Kes-kes yang memerlukan pemeriksaan/rawatan pakar hendaklah diminta hadir pada tarikh lawatan pakar.
- (iii) Feraturan-peraturan bagi menjalankan 'ward round' di wad-wad berkenaan hendaklah disediakan.

Lampiran 2

Tugas-tugas pakar-pakar pada setiap lawatan
ke hospital-hospital daerah

- (i) Mengadakan 'bedside teaching' semasa membuat 'ward rounds' untuk pegawai-pegawai perubatan/kakitangan jururawat.
- (ii) Memeriksa pesakit-pesakit yang dirujuk oleh pegawai-pegawai perubatan termasuk pesakit-pesakit ulangan yang tertentu, bersama dengan pegawai-pegawai perubatan.
- (iii) Mengadakan sesi klinikal dengan pegawai-pegawai perubatan untuk membincangkan masalah-masalah pengurusan pesakit-pesakit.